



**IKLAN JAWATAN KOSONG**  
**KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN**  
**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**  
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-syarat Am**

- a) Pemohon mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- b) Pemohon mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Agama Islam, Adat Istiadat Negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- c) Cara permohonan rujuk di ruang **PEMBERITAHUAN**.

**PERATURAN 7 (a)**

*dibukakan kepada orang ramai, pegawai-pegawai dan kakitangan perempuan yang sedang berkhidmat dengan perkhidmatan awam, Negara Brunei Darussalam.*

1. JAWATAN : Penyelia Asrama Tingkat III
2. BAHAGIAN : IV
3. TANGGAGAJI : D.3-4 EB.5-6 (\$900 - \$1,785 sebulan)
4. KEKOSONGAN JAWATAN : Satu (1)

**5. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN:**

- a. BDTVC/BTEC Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (NC) atau kelulusan sebanding dalam bidang bersesuaian.
- b. Mempunyai Kelulusan lebih tinggi dalam bidang sama adalah kelebihan.

**ATAU**

- c. Telah berkhidmat dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
- d. Perempuan berugama Islam
- e. Boleh bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.
- f. Mempunyai kebolehan dan pengetahuan dalam membaca dan menulis Jawi adalah kelebihan.

**6. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

- a. Bertanggungjawab membantu Dekan Pelajar dalam memeduli hal ehwal pentadbiran dan pengurusan asrama.
- b. Mengawasi / adab dan disiplin siswa/siswi serta membuat teguran nasihat dan tindakan dari semasa ke semasa.
- c. Memastikan bilik-bilik asrama, dewan makan, bilik air dan pasarana lain berada dalam keadaan bersih dan sempurna serta selesa digunakan.

- d. Membuat laporan harian dan bulanan berkaitan kesejahteraan, keselamatan, kebijakan dan kesihatan siswa/siswi.
- e. Memastikan siswi yang tinggal di asrama menunaikan solat Fardhu lima waktu berjemaah.
- f. Membuat catatan makan / minum dan menerima serta menyemak tuntutan yang dihadapkan oleh pemberong sebelum disahkan oleh Dekan atau Pegawai yang diberikan serta mengawasi dan mencatat keramaian makan / minum siswa/siswi.
- g. Membantu dalam memberikan khidmat nasihat dan kaunseling kepada para siswa/siswi yang memerlukan khidmat tersebut.
- h. Menghubungi ibu bapa atau penjaga siswa/siswi yang sakit untuk dibawa ke klinik berdekatan atau hospital jika perlu dan membuat laporan kepada pegawai dan tenaga pengajar untuk rujukan mereka.
- i. Membuat laporan apa-apa yang berlaku di dalam asrama serta mencatat keluar dan masuk para siswa/siswi yang memohon untuk keluar atas urusan peribadi atau kecemasan .
- j. Menjalankan lain-lain tugas yang diarahkan oleh Dekan Pelajar atau Pegawai atasan dari semasa ke semasa.

#### **PEMBERITAHUAN**

Permohonan hendaklah menggunakan Borang KUPU SB/P1 boleh didapati dengan melayari laman web: [www.kupu-sb.edu.bn](http://www.kupu-sb.edu.bn).

Bagi pemohon yang berkhidmat dengan Kerajaan, selain memohon melalui online, salinan hardcopy borang permohonan juga hendaklah dihadapkan melalui Ketua Jabatan. Ketua Jabatan dikehendaki menyertakan:-

- **Laporan Sulit** mengenai peribadi dan mutu kerja pemohon;
- **Tahap Penilaian Prestasi** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan;
- Borang Pengesahan Ketua Jabatan;
- **Rekod Penilaian** yang lengkap dan terkini

Borang permohonan yang lengkap berserta dengan salinan sijil-sijil dan dokumen berkenaan hendaklah dikembalikan kepada:

**PENDAFTAR**  
**KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN**  
**KM 2, JALAN RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA,**  
**BANDAR SERI BEGAWAN, BA 2111,**  
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TARIKH TUTUP IKLAN: 25 OGOS 2025**  
**BILANGAN IKLAN: KUPU SB/PJW/6.01/25-1E**

Universiti berhak menolak borang permohonan yang tidak diisi dengan lengkap dan yang tidak menyertakan dokumen-dokumen yang diperlukan.

Hanya pemohon-pemohon yang memenuhi syarat dan disenarai pendek (*shortlisted*) sahaja akan dihubungi untuk sesi temuduga.

*Jika ada sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi di nombor 2236277*